

TARIKH	20 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Setempat



Lambaian Kaabah

Daripada Badrila Jamlus di Makkah

jbad@mediaprima.com.my

Tabung Haji (TH) menerusi bahagian teknologi maklumat memperkenalkan beberapa penambahbaikan bertujuan mempercepat dan membantu melancarkan perjalanan jemaah haji musim haji 1434 hijrah tahun ini.

Antaranya ialah sistem rekod ketibaan dan perjalanan jemaah dari lapangan terbang hingga ke maktab penginapan, sistem pelaksanaan badal haji dan proses merekod serta menjejak aduan yang dikemukakan oleh jemaah haji Malaysia yang berada di Tanah Suci.

Pengarah Operasi Teknologi Maklumat, Zaaba Arpan berkata, penambahbaikan itu turut menumpukan kepada aspek penggunaan

ZAABA sempat memeriksa tag jemaah haji Malaysia, semalam.



14 pakar bertugas

■ Sistem teknologi maklumat TH bantu perjalanan jemaah

peralatan dan perkakasan baru bagi menyokong operasi pengurusan maklumat meliputi data setiap jemaah haji.

“Kami mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan semua aplikasi sistem infra teknologi maklumat (IIT) TH membabitkan sistem operasi aduan, pertanyaan perubatan dan rekod kematian berjalan lan-

car,” katanya, semalam.

Beliau berkata, seramai 14 pegawai IT terbabit pada musim haji tahun ini dengan masing-masing dua ditempatkan di Jeddah dan Madinah yang dihubungkan terus ke pusat data TH di Shah Alam, yang berfungsi sebagai pusat sokongan kepada operasi TH di Tanah Suci Makkah.

Katanya, penggunaan sis-

tem biometrik yang diperkenalkan tiga tahun lalu bukan saja mengurangkan penggunaan kertas, tetapi turut membantu meningkatkan mutu perkhidmatan TH kepada pelanggan.

Zaaba berkata, menerusi sistem IT, pihaknya berupaya merekodkan perjalanan bas jemaah hingga ke maktab, manakala sistem dalam talian badal haji membolehkan TH memperoleh dan memperkemas rekod data mengenai pelaksanaan badal haji di Tanah Suci Makkah.